



SALAH satu matlamat Bersatu adalah mempertahankan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak serta hak-hak yang sah untuk semua kaum. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

## Kongres Maruah Melayu wajar disokong semua

**K**ONGRES Maruah Melayu di Stadium Malawati, Shah Alam pada 6 Oktober ini bakal menyaksikan ahli-ahli akademik dari empat universiti awam tempatan mewacanakan masalah yang dihadapi oleh orang Melayu serta cadangan penyelesaian ke atasnya. Universiti-universiti awam tempatan ini adalah Universiti Malaya (UM) yang akan mewacanakan masalah siasah Melayu, Universiti Teknologi Mara (UiTM) - masalah iktisad Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM) - masalah budaya Melayu dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) - masalah pendidikan Melayu.

Lebih penting lagi, Kongres Maruah Melayu ini juga bakal menyaksikan pemimpin ulung Melayu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan satu amanah penting kepada orang Melayu susulan daripada usaha berterusan beliau membela orang Melayu.

Sepututnya pengajuran Kongres Maruah Melayu ini wajar didukung oleh semua pihak, baik orang Melayu maupun orang bukan Melayu kerana selaku kaum dominan negara hanya bila orang Melayu berpadu baharulah perpaduan nasional wujud.

Sesungguhnya tiada yang tidak kena dengan pengajuran Kongres Maruah Melayu ini kerana ia bukanlah satu agenda politik picisan mana-mana pihak tetapi adalah usaha murni ahli-ahli akademik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh orang Melayu.

Tiada yang perlu diselindungkan mengenai Kongres Maruah Melayu ini



Ahmad Bashawir

kerana usaha mengembalikan maruah Melayu adalah satu langkah terpuji yang selari dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang serta prinsip-prinsip Rukun Negara.

Mengejutkan sekali bila Naib Presiden MCA, Senator Datuk Seri Ti Lian Ker, menyatakan Dr. Mahathir tidak boleh melibatkan diri dalam Kongres Maruah Melayu ini kerana ia didakwa adalah pengembalian kepada politik perkauman dan pelampau Melayu.

Presiden Gerakan, Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai pula menyatakan Kongres Maruah Melayu ini tidak perlu kerana maruah Melayu didakwa telah sedia dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan dan Malaysia Baharu tidak boleh memainkan isu kaum.

Mereka dan para pengkritik lain perlu sedar bahawa Maruah Melayu adalah tema utama perjuangan Dr. Mahathir sejak awal sewaktu beliau bersama UMNO lagi dan ini diteruskan melalui perjuangan beliau melalui Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) sejak 2016.

Dr. Mahathir menulis satu rencana khusus bertajuk Maruah Melayu pada 23 Jun 2017 berbunyi: "Tebuslah balik maruah Melayu, agama Islam. Janganlah begitu taksub kepada parti sehingga penyelewengan oleh parti pun tidak dipedulikan. Kembalilah kepada prinsip dan matlamat UMNO yang sebenar yang hari ini cuma berada dalam Bersatu."



SESUNGGUHNYA tiada yang tidak kena dengan pengajuran Kongres Maruah Melayu kerana ia bukanlah satu agenda politik picisan mana-mana pihak. - GAMBAR MEDIA SOSIAL

Begini juga walaupun dalam era Malaysia Baharu, politik perkauman adalah satu fakta yang tidak boleh dinafikan dan ini ditegaskan oleh Dr. Mahathir dalam satu rencana khusus bertajuk *Why A New Party?* pada 17 Ogos 2016 berbunyi: "*The sophisticated and highly educated urban people may believe that racial politics is not in keeping with the times. But on the ground it is different. For the rural people who largely are poor, race is not only important but they believe is essential for their well-being. UMNO's popularity is because it is a racial party. If the new party is to compete with UMNO, it must give the people in the rural constituencies and the unsophisticated urban constituencies the kind of comfort associated with UMNO's kind of racism.*"

Nama penuh parti yang diterajui oleh Dr. Mahathir itu sendiri mengandungi isitilah Pribumi yang bermaksud warganegara Malaysia berbangsa Melayu dan bumiputera termasuk Orang Asli dan anak negeri Sabah dan Sarawak seperti yang ditakrifkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Negeri dan undang-undang negara.

Begini juga dengan empat tujuan dan matlamat Bersatu yang berbunyi:

- 6.1.1 Menegakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan menghormati hak orang bukan Islam untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing secara aman dan harmoni.
- 6.1.2 Menjunjung kemuliaan dan kedaulatan institusi raja-raja Melayu.
- 6.1.3 Mempertahankan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dan hak-hak yang sah untuk semua kaum.
- 6.1.4 Memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan memelihara hak semua kaum untuk mempelajari bahasa ibunda masing-masing.

Malah, istilah Maruah Melayu ini juga terkandung dalam dokumen rasmi Pakatan Harapan yang memerintah sekarang di mana Janji 11 dalam Manifesto Pakatan Harapan adalah bertajuk Mengembalikan maruah orang Melayu dan institusi-institusinya.

Isi Janji 11 ini juga menyebut: "Prestasi dan pencapaian agenda memastabatkan maruah bangsa Melayu dan Islam

akan dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen setiap tahun agar kerajaan sentiasa bertanggungjawab kepada rakyat keseluruhannya. Kedudukan ekonomi Melayu akan dibentangkan dalam ucapan belanjawan setiap tahun supaya kerajaan boleh dipertanggungjawabkan secara terbuka."

Begitu juga dengan Janji 30 dalam Manifesto Pakatan Harapan yang menyebut: "Untuk memastikan iltizam kerajaan yang berterusan dalam membantu warga bumiputera, kerajaan Pakatan Harapan akan mengira secara tuntas dan menerbitkan kepada umum jumlah pegangan ekuiti Melayu dan bumiputera terkini agar ia menjadi penanda aras yang tepat dalam usaha mencapai matlamat peningkatan ekuiti Melayu dalam pasaran. Laporan ini akan dibentangkan di Parlimen dalam setiap Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan."

Oleh itu, selaras dengan pembentangan Belanjawan 2010 yang bakal menjelang, amat bertepatanlah Kongres Maruah Melayu ini dianjurkan selaras dengan penegasan Dr. Mahathir, Perlembagaan Bersatu dan Manifesto Pakatan Harapan sendiri.

Universiti Utara Malaysia (UUM) walaupun berada jauh di utara, memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada pengajuran Kongres Maruah Melayu oleh UM, UiTM, UPM dan UPSI dan akan menghantar delegasi ahli-ahli akademik untuk terlibat di dalamnya.

**PROFESSOR DATUK DR. AHMAD BASHAWIR ABDUL GHANI** ialah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM).